

# UMS jalin kerjasama bina jana kuasa solar

BH 28.01.2012 4

**K**OTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berupaya menjimatkan penggunaan bekalan elektrik sehingga 30 peratus jika dapat menzahirkan cadangan membina loji jana kuasa solar, bermula tahun ini.

Kini, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu menanggung kos elektrik mencecah RM2 juta sebulan selepas semua bangunan serta kemudahannya siap dibina.

Usaha membangunkan loji jana kuasa itu dengan kerjasama Seagate Global Group dijangka mengurangkan kos menerusi penggunaan tenaga boleh diperbaharui, selain menyumbang kepada usaha memelihara alam sekitar.

Memorandum persefahaman (MoU) kerjasama itu dimeterai antara UMS dan Seagate Global Group



*Pusat peranginan atau inap desa turut diwujudkan di pantai UMS yang bakal memberi manfaat kepada pelajar dan penduduk setempat. Kerjasama ini memberi peluang kepada kami membangunkan UMS menerusi penggunaan teknologi hijau dan pada masa sama mampu melindungi alam sekitar 99*

**Kamaruzaman Ampon**  
Naib Canselor UMS

dengan UMS diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Kamaruzaman Ampon, manakala Seagate Global Group diwakili pengetahuannya, Prof William Lawton.

Ia disaksikan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Md Said dan Ketua Pegawai Eksekutif Seagate Global (Malaysia), Haider Isnaji.

Kamaruzaman berkata, kerjasama turut merangkumi projek membina inkubator tenaga solar dengan UMS menjadi kampus perintis bagi program itu.

"Selain itu, pusat peranginan atau inap desa turut diwujudkan di pantai UMS yang bakal memberi manfaat bukan saja kepada pelajar malah juga penduduk setempat. Kerjasama ini memberi peluang kepada kami untuk membangunkan UMS menerusi penggunaan teknologi hijau dan pada masa sama mampu melindungi alam sekitar."

logi hijau dan pada masa sama mampu melindungi alam sekitar.

"Kami akan menggunakan sepenuhnya keupayaan dimiliki termasuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta kepakaran berkaitan teknologi hijau," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian di Bangunan Canselori, di sini, semalam.

Kamaruzaman berkata, kerjasama itu turut meningkatkan bilangan penuntut luar negara di UMS menerusi program pertukaran pelajar antara UMS dan Universiti Tsinghua di China.

Sementara itu, Lawton berkata, UMS menjadi institusi pertama di negara ini yang menjalin kerjasama dengan syarikat itu untuk membangunkan pelbagai aspek meliputi pembelajaran dan ekonomi.